

Kisah Kejayaan (Januari- Mac 2015) PI KPG.HILIR MALUDAM

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI Nama PI	Pusat Internet Kg. Hilir Maludam
Location Lokasi	Kpg Maludam Pusa, Betong Sarawak
Name of person(s) Nama	Mauliyah Binti Musa
Details of person (s) Butiran diri	<p>UMUR: 28 Tahun</p> <p>JANTINA: Perempuan</p> <p>TAHAP PENDIDIKAN:</p> <p>PEKERJAAN: Surirumah / Peniaga Atas Talian</p> <p>FACEBOOK: www.facebook.com/ Moli Musa (Moli Musa)</p>
Success story Kisah kejayaan	<p>1. How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</p> <p><i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Fenomena “Smartphone” yang semakin menular kebelakangan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi saya agar tidak ketinggalan dalam mengecapi zaman kecanggihan IT dan Teknologi . ▪ Selaras dengan pepatah “dunia dihujung jari” , dengan adanya internet kita dapat mencari pelbagai maklumat, membuat pembayaran bil secara atas talian, melayari pelbagai jenis laman web kerajaan yang disediakan, membuat/ membeli secara atas talian dan sebagainya. ▪ Saya sendiri khasnya, sebelum ini menggunakan internet hanya untuk membuka laman sosial seperti Facebook,mencari resepi dan sebagainya.Tapi kini, internet banyak mengubah kehidupan sehari-hari saya. Jika setahun yang lepas, saya hanya fokus

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>dengan perniagaan secara kecil-kecilan dengan menghantar ke kedai-kedai berdekatan dan mengambil tempahan daripada penduduk tempatan. Tetapi kini, perniagaan yang saya jalankan sudahpun berkembang semenjak saya menjalankan perniagaan atas talian melalui Facebook. Selain itu, dengan pencarian pelbagai resepi di internet saya telah berjaya untuk mempelbagaikan resepi produk saya.</p> <p>2. How did your life improved after learning how to use the internet</p> <p>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti seharian saya semakin mudah dan senang disamping dapat menjimatkan masa. Sebagai seorang surirumah yang mempunyai dua orang anak, aktiviti saya bermula seawal 5 pagi setiap hari. Dengan adanya internet, saya boleh membuat pembayaran bil elektrik dan Astro melalui pembayaran Atas Talian, membeli belah atas talian, mencari informasi dan sebagainya. Internet telah membantu saya dari banyak aspek.
Keterangan gambar Photo caption	<p>Describe activity and person(s) in every photo provided Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</p> <p>Gambar 1:</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>Produk : Donut Lemantak & Cheese Ball Lemantak</i></p> 
	<p>Gambar 2:</p> 

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Gambar 3: Sering berkunjung ke PI bagi membalas komen/berinteraksi dengan pelanggan</p>  <p>A photograph showing a person from behind, wearing a dark hijab and a patterned top, seated at a desk and interacting with a computer monitor. The monitor displays a social media platform with multiple posts and user profiles. Above the monitor, there is a framed poster or sign featuring a group of children and some text. The text on the sign includes: "Misi kerjasama antara Perbadanan Pengurusan dan Perkhidmatan Sejagat (PPS) dengan memberi fokus kepada pemberian perkhidmatan ICT kepada komuniti tempatan di kawasan luar bandar."</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Gambar 4:</p> <p>Menghadiri Kelas Microsoft Power Point</p> 
Photo caption names Keterangan gambar	

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
berserta nama	-Tiada-
Feedback Maklumbalas	<p>1. What was your first impression towards PI? <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI?</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>PI bagi saya adalah sebuah pusat yang bukan sahaja menyediakan kemudahan IT, bahkan juga memberi pendedahan ICT kepada komuniti setempat melalui kelas komputer dan juga Latihan Keusahawanan. PI yang turut menyediakan pelbagai kemudahan lain seperti fotostat, mencetak, leminating dan sebagainya menjadikan ianya sebuah pusat yang serba lengkap.</i> <p>2. What attracted you to come and use the facilities in PI? <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI?</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Tarikan utama saya untuk datang ke PI adalah kerana kelengkapan dan kemudahan yang disediakan disamping persekitaran PI yang cukup menarik, susun atur yang kemas dan bersih.</i> ▪ <i>Dengan adanya petugas-petugas PI yang ramah dan mesra melengkapkan lagi PI sebagai sebuah pusat yang sempurna dan menjadi tumpuan penduduk setempat.</i> <p>3. How can PI help others to be successful? <i>Bagaimanakah cara PI dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pertama,dengan adanya kelas ICT dan Latihan Keusahawanan, petugas telah banyak membantu memberi pendedahan kepada penduduk setempat mengenai penggunaan teknologi maklumat, kemudahan internet, asas perniagaan atas talian dan sebagainya. ▪ Disamping itu juga, petugas PI turut mengajar cara penggunaan Microsoft Office seperti Words, Excel dan lain-lain. <p>4. Can you suggest improvement to be made to PI? (facilities, training activities, promotions, etc)</p> <p>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</p> <p>Dari segi kemudahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pertama: Kelajuan Capaian Internet. Ianya harus ditingkatkan lagi agar kami tidak mempunyai masalah untuk melayari internet. Hal ini adalah kerana, kadang-kadang sukar bagi kami untuk menembusi capaian internet dan terpaksa menunggu lama. ▪ Menyediakan buku-buku seperti Microsoft Office, Perniagaan, Pendidikan dan lain-lain agar kami dapat menambah pengetahuan dan membuat rujukan.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti latihan/kursus/promosi DLL: ▪ Mempelbagaikan latihan yang sedia ada ▪ Mengadakan kursus/promosi keusahawanan dengan menjemput agensi-agensi kerajaan atau swasta bagi menambah pengetahuan <p>.</p> <p>Cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Diharap PI Kg. Hilir Maludam akan mempelbagaikan lagi kemudahan yang sedia ada agar penduduk setempat dapat berpusat disatu tempat sahaja dan tidak perlu untuk keluar ke kampung untuk mendapatkan kemudahan.

PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT

SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN